

23 MAR 1996

Poland - Rangkum

HUBUNGAN M'SIA-POLAND KINI LEBIH KUKUH

Oleh: Muin Abdul Majid

KUALA LUMPUR, 23 Mac (Bernama) -- Poland kini bersedia untuk mengadakan hubungan perdagangan dengan negara-negara di rantau lain yang dinamik di dunia.

Lawatan Perdana Menteri Poland Dr Wlodzimierz Cimoszewicz ke Malaysia dan negara lain di Asia Tenggara mencerminkan pendekatan agresif oleh kerajaan negara itu untuk memupuk hubungan perdagangan dua hala dan pelbagai hala di samping bekerjasama dalam bidang lain.

Rundingan antara Dr Cimoszewicz dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghasilkan janji bagi mempertingkatkan kerjasama dalam bidang-bidang tersebut. Perdana Menteri Poland itu tiba semalam untuk lawatan tiga hari.

Kedua-dua mereka bersetuju bahawa perdagangan dua hala yang berjumlah RM300 juta (AS\$120 juta) tidak mencukupi dan langkah harus diambil bagi mempertingkatkaninya.

Menurut naib presiden Dewan Perdagangan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (DPPKM), Senator Datuk V.K.K Teagarajan berkata angka itu meliputi cuma 0.1 peratus daripada jumlah perdagangan Malaysia.

Pada jamuan tengah hari anjuran DPPKM meraikan Dr Cimoszewicz hari ini, Teagarajan berkata angka terbaru itu menunjukkan bahawa Malaysia belum membuat pelaburan di Poland sementara pelaburan Poland di negara ini masih kecil.

Katanya, faktor utama bagi masalah itu mungkin kurangnya maklumat antara kedua-dua negara.

Dr Cimoszewicz berkata beliau dan Dr Mahathir bersetuju bahawa pendekatan yang dinamik lagi agresif perlu dijalankan oleh Agensi Pelaburan Asing Poland dan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA).

Teagarajan menarik perhatian kepada bidang-bidang yang memungkin sektor swasta kedua-dua negara bekerjasama seperti pengeluaran tenaga, cari gali minyak dan gas serta pemprosesan makanan.

Di samping isu-isu ekonomi, Malaysia dan Poland juga bersetuju untuk bekerjasama dalam bidang lain, meliputi pengangkutan dan membangunkan semula Bosnia-Herzegovina.

Syarikat penerbangan kedua-dua negara mungkin mengadakan penerbangan menghubungkan Kuala Lumpur dengan Warsaw berikutan keputusan kedua-dua pihak untuk menyambung semula perkhidmatan udara yang ditandatangani pada 1975.

Poland juga memberi jaminan untuk mengkaji masalah visa yang dihadapi oleh rakyat Malaysia yang hendak ke negara itu dan perkembangan ini memungkin hubungan antara rakyat dengan rakyat kedua-dua negara semakin erat.

Dr Cimoszewicz juga menyampaikan undangan President Poland kepada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah untuk melawat Poland. Beliau juga menyampaikan undangan yang serupa kepada Dr Mahathir.

Dr Cimoszewicz dan rombongan kini berada di Langkawi untuk lawatan singkat. Mereka akan berlepas pulang esok. -- BERNAMA

MAM FAZ